

Rujukan : ANM.PHG.600-1/1/12 Jld. 2 (28)  
Tarikh : 15.02.2024

**TINDAKAN PTJ (MAJIKAN) UNTUK PENGHANTARAN BORANG E TAHUN 2023  
KEPADА LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)**

Dengan hormatnya dimaklumkan Penyata Pendapatan Tahunan (EC Form) bagi tahun 2023 telah dijana dan telah dimuatnaik ke Sistem ePenyata Gaji dan Laporan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

2. Oleh itu tindakan PTJ selaku majikan adalah dimohon untuk **mengemukakan Borang E secara e-filing kepada LHDNM bermula 1 Mac 2024 hingga 31 Mac 2024**. Kegagalan PTJ (majikan) mengemukakan Borang E berkenaan boleh dikenakan tindakan **penalti** oleh LHDNM.
3. Bersama-sama ini disertakan **Penerangan Berkenaan Penyata Pendapatan Tahunan (EC Form)** dan **tiga (3) tindakan yang perlu dilakukan oleh PTJ semasa penghantaran Borang E** sebagai rujukan dan tindakan selanjutnya.
4. Sebarang pertanyaan melibatkan janaan Penyata Pendapatan Tahunan (EC Form) di Sistem iGFMAS sila berhubung dengan Unit Gaji JANM Pahang di talian 09-591 5024 / 5025 / 5019 / 5005. Manakala untuk pertanyaan melibatkan Borang E serta kaedah e-filing sila hubungi Pejabat LHDNM berdekatan.

Sekian, terima kasih.

UNIT GAJI  
JANM PAHANG

# PENERANGAN BERKENAAN PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN (EC FORM) BAGI TAHUN 2023

Disediakan oleh :  
Unit Gaji JANM Pahang

*Excellent Accounting @ Your Services*



# CONTOH PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN (EC FORM) BAGI TAHUN 2023

(C.P. 8C - Pin. 2023)

MALAYSIA

Penyata Gaji Pekerja AGENSI KERAJAAN **EC**

No. Pengenalan Cukai (TIN) Pekerja

No. Siri .....

PENYATA SARAAN DARIPADA PENGGAJIAN .....

No. Majikan E .....

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER .....

LHDNM Negeri .....

**BORANG EC INI PERLU DISEDIAKAN UNTUK DISERAHKAN KEPADA PEKERJA BAGI TUJUAN CUKAI PENDAPATAN**

## A BUTIRAN PEKERJA

1. Nama Penuh Pekerja / Pesara (Encik/Cik/Puan) .....
2. Jabatan .....
3. Jawatan .....
4. No. Kakitangan / No. Gaji .....
5. No. Kad Pengenalan / Polis / Tentera / Pasport .....
6. No. KWSP .....
7. No. PERKESO .....
8. Bilangan anak yang layak untuk pelepasan cukai .....
9. Jika bekerja tidak genap setahun, nyatakan:
  - (a) Tarikh mula bekerja .....
  - (b) Tarikh berhenti kerja .....

## B PENDAPATAN PENGGAJIAN DAN MANFAAT

(Tidak Termasuk Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai)

RM

1. Gaji / Emolumen
  - (a) Gaji termasuk Gaji Cuti, Bonus, Elaun Kena Cukai dan lain-lain .....
  - (b) Ganjaran bagi tempoh dari ..... hingga .....
2. Manfaat Berupa Barang (Nyatakan butiran: ..... ) .....
3. Manfaat Tambang Percutian (jika berkenaan) .....
4. Butiran bayaran tunggakan dan lain-lain bagi tahun-tahun terdahulu dalam tahun semasa
 

Jenis pendapatan (a) .....

(b) .....

PENDAPATAN BOLEH DICUKAI (B1 + B2 + B3 + B4)

## C JUMLAH POTONGAN

1. Potongan cukai bulanan (PCB) yang dibayar kepada LHDNM .....
2. Arahan potongan CP38 yang dibayar kepada LHDNM .....
3. Zakat yang dibayar melalui potongan gaji .....
4. Derma / hadiah / sumbangan diluluskan yang dibayar melalui potongan gaji .....
5. Jumlah tuntutan potongan oleh pekerja melalui Borang TP1 berkaitan:
  - (a) Pelepasan RM .....
  - (b) Zakat selain yang dibayar melalui potongan gaji bulanan RM .....
6. Jumlah pelepasan bagi anak yang layak .....

## D CARUMAN KEPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA DAN PERKESO

Amaun caruman yang wajib dibayar (nyatakan bahagian pekerja sahaja)

1. KWSP: RM .....
2. PERKESO: RM .....

## E SENARAI ELAUN / PERKUISIT / PEMBERIAN / MANFAAT YANG DIKECUALIKAN CUKAI SERTA AMAUN MASING-MASING

Jenis Elaun/Perkuisit/Pemberian/Manfaat	Jumlah Dikecualikan (RM)	Jenis Elaun/Perkuisit/Pemberian/Manfaat	Jumlah Dikecualikan (RM)
1. ....	3. ....	.....	.....
2. ....	4. ....	.....	.....

Tarikh: .....

Nama Pegawai .....
Jawatan .....
Nama dan Alamat Majikan .....
No. Telefon Majikan .....



# PENERANGAN FORMAT PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN (EC FORM) iGFMAS – Dijana berdasarkan format yang telah diwartakan oleh LHDNM

## A1 hingga A9



Nama, Jabatan, No. Gaji, No. Kad Pengenalan

### A. BUTIRAN PEKERJA

## C1 hingga C5



Potongan Cukai Berjadual (PCB) yang dibayar kepada LHDNM, Arahan Potongan Cukai CP38, Zakat yang dibayar melalui potongan gaji, dan jumlah pelepasan bagi anak yang layak

### C. JUMLAH POTONGAN

## B.1 Gaji/Emolumen



- (a) Gaji dan elaun yang dikenakan cukai,
- (b) Elaun bercukai yang dibayar melalui Portal (Modul AP iGFMAS), contoh Elaun Ceramah, Elaun Lebih Masa, Ditolak kutipan balik gaji/elaun yang dikenakan cukai (wagetype 4017-Bayaran Balik Gaji Tahun Semasa dan wagetype 4012-Bayaran Balik Elaun Tahun Semasa)
- (c) Ditolak kutipan balik gaji dan elaun yang dikenakan cukai bagi tahun lalu (wagetype 4016 – Terima Balik Bayaran Tahun Lalu)

### B. PENDAPATAN PENGGAJIAN DAN MANFAAT

## B.4 Butiran Bayaran Tuggakan Dan Lain-lain Bagi Tahun-tahun Terdahulu Dalam Tahun Semasa



- (a) Gaji dan elaun yang dikenakan cukai bagi tahun lalu tetapi baru diterima dalam tahun semasa,
- (b) Ditolak kutipan balik gaji dan elaun yang dikenakan cukai bagi tahun lalu (wagetype 4016 – Terima Balik Bayaran Tahun Lalu)

### B. PENDAPATAN PENGGAJIAN DAN MANFAAT

## D1 hingga D2



Amaun caruman KWSP dan Perkeso yang wajib dibayar (bahagian pekerja sahaja)



\*Nota: Elaun E.1 & E.2 dipaparkan secara berasingan sebagai rekod pegawai yang memilih Skim KWSP. Pegawai yang memilih Skim Pencen boleh mengabaikan kategori tersebut.

### D. CARUMAN KEPADA KWSP DAN PERKESO

## E Senarai Elaun/Perkuisit/Pemberian/Manfaat Yang Dikecualikan Cukai Serta Amaun Masing-masing

- E.1 – Elaun Ada Potongan KWSP (Contoh Imbuhan Tetap Perumahan, Imb. Tetap Khidmat Awam, Bantuan Sara Hidup)
- E.2 – Elaun Tiada Potongan KWSP (Contoh Imbuhan Tetap Keraian, Pemberian/Bayaran Khas, Bayaran Insentif Wilayah)
- E.3 – Pulang Balik Elaun Tidak Bercukai (Contoh Pulang Balik ITP Kuarters, Pulang Balik BSH Kuarters, Pulang Balik Imbuhan Tetap Keraian, Pulang Balik Pemberian/Bayaran Khas)

### E. SENARAI ELAUN / PERKUISIT / PEMBERIAN / MANFAAT YANG DIKECUALIKAN CUKAI SERTA AMAUN MASING-MASING



# TINDAKAN SETIAP PTJ (MAJIKAN) SELEPAS MENERIMA PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN (EC FORM) DARIPADA PEJABAT PERAKAUNAN



## 1. MUAT TURUN EC FORM

PTJ **muat turun** Penyata Pendapatan Tahunan (EC Form) (**Pusat Pembayar**) di Sistem ePenyata Gaji dan Laporan.

## 2. LENGKAPKAN DAN KEMUKA BORANG E KEPADA LHDNM

PTJ lengkapkan dan hantar Borang E kepada LHDNM secara e-filing **mulai 1 Mac 2024 hingga 31 Mac 2024** bagi mengelakkan kenaan penalti kepada Majikan (PTJ). Sebarang pertanyaan sila rujuk cawangan LHDNM yang berhampiran.

## 3. BORANG E KEPADA LHDNM

Semasa pengisian Borang E secara e-filing, sila isi ruangan cara **pengemukaan CP8D pilih “Melalui e-Data Praisi”**

Contoh adalah seperti dibawah :

Cara pengemukaan C.P.8D

info

-- Sila Pilih --

-- Sila Pilih --

**Melalui e-Data Praisi / e-CP8D**

Pemacu USB

Melalui e-mel kepada CP8D@hasil.gov.my

Dikecualikan - Tiada Pekerja Bersama Borang E

Pilih “Melalui e-Data Praisi”

**SEKIAN,  
TERIMA KASIH.**

